

## Faktor-faktor Mempengaruhi Agihan Pendapatan di Malaysia 1970-2000

RAHMAH ISMAIL & POO BEE TIN

*Jabatan Ekonomi Pembangunan*

*Fakulti Ekonomi*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

**Kata kunci:** Agihan pendapatan, pekali Gini, Keluaran Dalam Negara Kasar, bayaran pindahan, keterbukaan ekonomi

### ABSTRAK

Pembangunan ekonomi Malaysia telah menyaksikan trend turun naik dalam ketaksamaan agihan pendapatan di samping penurunan yang berterusan dalam kadar kemiskinan. Antara tahun 1957/58 sehinggalah 1999, berlaku peningkatan dan penurunan dalam ketaksamaan agihan pendapatan. Pekali Gini telah mengalami peningkatan antara tahun 1957/58 hingga 1976, iaitu menunjukkan agihan pendapatan menjadi semakin tidak seimbang. Tetapi antara tahun 1976 hingga 1990, pekali Gini mengalami penurunan yang menggambarkan agihan pendapatan menjadi lebih seimbang. Malangnya antara tahun 1990 hingga 1997, pekali Gini sekali lagi meningkat, tetapi menurun sedikit pada tahun 1999. Objektif artikel ini ialah untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi agihan pendapatan di Malaysia melalui kaedah persamaan regresi dengan menggunakan data-data dari tahun 1970 hingga 2000. Di samping melihat kepada keseluruhan tempoh, analisis juga dilakukan dalam dua tempoh yang berbeza iaitu 1970-1984 dan 1985-2000. Keputusan kajian ini menunjukkan pengaruh faktor-faktor yang dipilih terhadap agihan pendapatan adalah berbeza antara dua tempoh. Antara tahun 1970-1984, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita, peratus guna tenaga dalam sektor industri, keterbukaan ekonomi, bayaran pindahan dan pelaburan langsung asing memberi pengaruh yang positif terhadap pekali Gini. Ini bererti peningkatan dalam pemboleh ubah-pemboleh ubah ini meningkatkan lagi ketidakseimbangan agihan pendapatan. Dalam tempoh 1985-2000, pelaburan langsung asing masih mempunyai pengaruh positif terhadap pekali Gini di samping kadar celik huruf, kadar pengangguran dan buruh asing. Sementara kadar pertumbuhan KDNK per kapita, guna tenaga sektor industri dan bayaran pindahan memberi kesan negatif yang menggambarkan kenaikan dalam pemboleh ubah-pemboleh ubah ini akan menyebabkan agihan pendapatan menjadi lebih seimbang.

### ABSTRACT

Income inequality in Malaysia has followed unstable trends despite a continually decreased incidence of poverty. Between 1957/58 and 1976, the Gini coefficient had increased, which reflected an increased in inequality. But between 1976 and 1990 the Gini coefficient decreased, which implied that income inequality became more equal. Unfortunately between 1990 and 1997 the Gini coefficient again increased, but decreased slightly in 1999. The objective of this article is to analyse determinants of income inequality in Malaysia using regression method. The data covered for the analysis were between 1970 and 2000. Between 1970 and 1984 it was found that the Gross Domestic Products growth (GDP), percentage employment in the manufacturing sector, openness of the economy, transfer payment and foreign direct investment statistically have a significant positive relationship with the Gini coefficient. This implies that an increase in these variables will increase income inequality. Between 1985 and 2000, foreign direct investment, unemployment rate, literacy rate and foreign labour show a positive significant relationship with the Gini coefficient, while GDP growth, manufacturing employment and transfer payment negatively affect income inequality.



### PENGENALAN

Pembangunan ekonomi Malaysia telah memberi impak yang besar terhadap agihan pendapatan dan kemiskinan. Walaupun kadar kemiskinan telah mengalami penurunan, agihan pendapatan masih menunjukkan trend yang tidak stabil. Data rasmi menunjukkan kadar kemiskinan di Malaysia telah mengalami penurunan secara berterusan tetapi agihan pendapatan menunjukkan trend yang turun naik. Berdasarkan nilai pekali Gini yang berada antara 0 hingga 1, semakin rendah nilai ini, semakin setara agihan pendapatan. Antara tahun 1957/58 sehingga tahun 1976 agihan pendapatan di Malaysia telah menjadi semakin tidak seimbang, tetapi menjadi lebih seimbang antara tahun 1976 hingga 1990. Walau bagaimanapun dalam tahun-tahun 1990-an ketidakseimbangan agihan pendapatan mulai meningkat semula. Ini ditunjukkan oleh pekali Gini yang meningkat daripada 0.45 pada 1990 kepada 0.46 pada 1993 dan 0.47 pada tahun 1997. Namun demikian nilai pekali Gini menurun sedikit pada tahun 1999 kepada 0.44. Apa yang lebih membimbangkan ialah pekali Gini yang dicapai sepanjang tempoh, walaupun mengalami penurunan, tidak pernah turun serendah nilainya pada permulaan pembangunan tahun 1957/1958.

Jadual 1 menunjukkan trend agihan pendapatan dari tahun 1957/1958 hingga 1999. Umumnya trend agihan pendapatan di Malaysia boleh dianalisis berdasarkan tiga fasa, iaitu 1957/1958 hingga 1976, selepas tahun 1976 hingga 1990 dan tahun-tahun selepas 1990. Dalam tempoh 1957/1958 hingga 1976, berlaku

peningkatan yang berterusan dalam peratus bahagian pendapatan isi rumah 20% teratas. Sebaliknya bahagian pendapatan bagi 40% pertengahan dan 40% termiskin mengalami penurunan. Implikasinya, pekali Gini telah meningkat dari 0.41 pada tahun 1957/58 kepada masing-masing 0.50 dan 0.53 pada tahun 1970 dan 1976 yang menunjukkan agihan pendapatan menjadi lebih tidak seimbang. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1971 masih tidak mampu mengatasi masalah ketidaksetaraan agihan pendapatan, malahan semakin melebar kerana pada tempoh tersebut proses pembangunan masih dalam era penyesuaian.

Dalam tempoh fasa kedua iaitu dari 1979 hingga 1990 menampakkan penurunan dalam nilai pekali Gini dari 0.51 pada 1979 kepada 0.45 pada 1990. Agihan pendapatan yang semakin setara ini juga ditunjukkan oleh penurunan bahagian pendapatan penduduk 20% teratas, iaitu menurun dari 55.8% kepada 50.3% pada tempoh yang sama. Sementara bagi kumpulan 40% pertengahan dan 40% termiskin, bahagian pendapatan mereka meningkat. Kesannya, pendapatan purata rakyat terus meningkat dari RM693 sebulan pada 1979 kepada RM1167 sebulan pada 1990. Secara keseluruhannya, agihan pendapatan semakin pulih pada fasa ini. Fasa ketiga, iaitu selepas 1990 menunjukkan ketidaksetaraan agihan pendapatan meningkat semula. Keadaan ini digambarkan oleh pekali Gini yang meningkat daripada 0.45 pada 1990 kepada 0.46 pada 1993 dan 0.47 pada 1997, tetapi menurun semula kepada 0.44 pada tahun 1999.

JADUAL 1  
Agihan pendapatan isi rumah Malaysia 1957-1999

Peratus Isi rumah	1957/ 58	1967/ 68	1970	1976	1979	1984	1987	1990	1993	1995	1997	1999
20% Teratas	48.6	51.3	56.1	57.7	55.8	53.2	51.2	50.3	-	-	-	50.5
40% Pertengahan	35.5	34.4	32.5	31.2	32.3	34.0	35.0	35.2	-	-	-	35.5
40% Terbawah	15.9	14.3	11.6	11.1	11.9	12.8	13.8	14.5	-	-	-	14.0
Pendapatan Purata	215	240	267	514	693	1095	1074	1167	-	2008	2607	-
Pendapatan Penengah	156	154	167	388	436	723	738	-	-	1346	1682	2472
Pekali Gini	0.41	0.44	0.50	0.53	0.51	0.48	0.46	0.45	0.46	0.46	0.47	0.443

*Nota:* 1957/58-1987: Semenanjung Malaysia.

*Sumber:* Snodgrass, 1980  
Anand, 1983.

Malaysia, 1981, 1984, 1989, 1991(b), 1993, 1996, 1999, 2001.



Terdapat banyak perbincangan yang mengaitkan faktor kenapa fenomena ini berlaku. Faktor yang sering diutarakan ialah dasar kerajaan, transformasi ekonomi, globalisasi dan liberalisasi, kemasukan buruh asing, agihan pencapaian pendidikan dan sebagainya. Kebanyakan kajian sebelum ini mengutarakan atau menjawab isu di atas hanya melalui pemerhatian kasar. Belum ada satu kajian yang menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi agihan pendapatan di Malaysia melalui pendekatan ekonometrik. Artikel ini bertujuan menganalisis faktor-faktor tersebut antara tahun 1970 hingga 2000 dengan menggunakan kaedah persamaan regresi. Penulisan artikel ini dibahagikan kepada 6 bahagian. Bahagian seterusnya meliputi kajian lepas, kerangka teori, metodologi dan hipotesis, keputusan regresi, rumusan dan implikasi dasar serta kesimpulan.

#### *Sorotan Kajian Lepas*

Kebanyakan hasil kajian empirikal yang menggunakan data keratan lintang data pelbagai negara meyokong hipotesis Kuznets yang menghujahkan bahawa perhubungan antara pertumbuhan ekonomi dan agihan pendapatan adalah berbentuk U-terbalik (Paukert 1973; Ahluwalia 1976; Papanek dan Kyn 1986; Campano dan Salvatore 1988; Milanovic 1995; Jha 1996). Walau bagaimanapun, menurut Oshima (1994), bukti tentang kewujudan bentuk keluk U-terbalik Kuznets di negara-negara sedang membangun adalah tidak jelas. Jika dilihat dalam tempoh jangka masa panjang, beliau menyimpulkan hipotesis Kuznets tidak wujud di negara-negara Asia pada hari ini. Sementara kajian yang dijalankan oleh Hassan dan Rahmah (1997) menunjukkan hubungan antara pertumbuhan ekonomi dengan agihan pendapatan bagi kes Malaysia (1957-1990) berbentuk U-terbalik sebagaimana yang dihipotesiskan oleh Kuznets. Walau bagaimanapun, selepas 1990 agihan pendapatan menjadi semakin tidak setara apabila berlaku pertumbuhan ekonomi yang semakin pesat.

Agihan pendapatan yang seimbang bagi satu generasi dapat menjamin kesetaraan agihan pendapatan generasi berikutnya melalui pengumpulan modal manusia (Chiu 1998). Jadi agihan pendapatan yang lebih seimbang boleh membawa kepada penjana modal manusia yang lebih tinggi dan seterusnya pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi (Romer 1986; Alesina

dan Rodrik 1994; Persson dan Tabellini 1994; Perotti 1996). Namun demikian, pencapaian pendidikan dan keupayaan memperoleh pendidikan adalah berbeza antara individu. Perbezaan inilah yang dikatakan meluaskan jurang perbezaan pendapatan. Kebanyakan kajian telah menggunakan kadar celik huruf sebagai proksi kepada pencapaian modal manusia dalam melihat hubungan antara pendidikan dengan agihan pendapatan (Rubinson 1976; Weede dan Tiefenbach 1981; Chase-Dunn 1985; Bollen dan Jackman 1985). Hasil kajian lepas telah membuktikan ketidakseimbangan dalam agihan pencapaian pendidikan memberi impak positif dan signifikan terhadap ketidakseimbangan agihan pendapatan (Hammermesh dan Rees 1984; Caniglia 1988).

Pada peringkat awal proses pembangunan sesebuah negara akan menyaksikan berlakunya jurang perbezaan yang luas antara sektor. Di Malaysia, penekanan terhadap sektor perindustrian, terutamanya dalam dekad-dekad 1970-an dan 1980-an, telah menyebabkan sektor ini lebih terkehadapan dalam segala aspek dibandingkan dengan sektor-sektor lain. Produktiviti yang lebih tinggi dalam sektor ini menyebabkan pekerja mereka juga dibayar lebih tinggi. Maka perbezaan upah antara sektor menjadi lebih ketara dan ini selanjutnya memburukkan jurang agihan pendapatan di Malaysia (Ishak Shari *et al.* 1999). Malah dalam sektor industri itu sendiri berlaku perbezaan pendapatan buruh antara kemahiran (Rahmah 2000). Proses perindustrian juga telah meningkatkan peratus guna tenaga sektor ini dan ini selanjutnya boleh memberi kesan negatif terhadap keseimbangan agihan pendapatan.

Proses industrialisasi dan globalisasi yang pesat juga telah membawa peningkatan kebergantungan kepada perdagangan bebas dan pengaliran modal secara bebas. Wes (1996) mengatakan peningkatan pesat dalam pengaliran modal juga merupakan salah satu faktor utama penggerak globalisasi. Pengaliran modal boleh dibahagikan kepada pelaburan langsung asing, pelaburan portfolio dan pengaliran kewangan. Pengaliran modal merupakan faktor yang mempunyai pengaruh yang kuat terhadap integrasi ekonomi secara global. Globalisasi pula mempunyai kesan ke atas agihan pendapatan, maka secara tidak langsung pengaliran modal juga merupakan salah satu faktor yang akan memberi kesan kepada agihan pendapatan.



Kebanyakan hasil kajian empirikal menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pekali Gini dengan pemboleh ubah pelaburan langsung asing (Weede dan Tiefenbach 1981; Tsai Pan Long 1995; Beer 1999). Aliran masuk pelaburan langsung asing dikatakan akan memburukkan lagi agihan pendapatan terutamanya bagi negara yang kurang membangun, walaupun ia membawa beberapa kesan positif seperti meningkatkan pertumbuhan ekonomi, menyediakan peluang pekerjaan, pemindahan teknologi dan sebagainya.

Ketidakseimbangan agihan pendapatan boleh juga dikaitkan dengan keterbukaan ekonomi. Lazimnya, pemboleh ubah perdagangan antarabangsa iaitu jumlah eksport dan import digunakan sebagai ukuran kepada keterbukaan ekonomi (Rubinson 1976; Tsai Pan Long 1995; Carol 1998). Kajian Patrik (1998) menunjukkan tujuh peratus peningkatan ketidakseimbangan agihan pendapatan adalah disebabkan perdagangan. Oleh sebab perdagangan bebas akan menguntungkan sistem ekonomi secara keseluruhan, maka beliau mencadangkan keuntungan daripada perdagangan bebas harus diagihkan kepada golongan yang rugi melalui sistem cukai dan sistem kebajikan.

Perbelanjaan kerajaan adalah antara faktor penting yang mempengaruhi agihan pendapatan (Snodgrass 1974, 1980; Meerman 1975). Snodgrass (1974) telah mengelaskan perbelanjaan kerajaan kepada empat kategori, iaitu pembelian barang-barang dan perkhidmatan yang kemudiannya dikelaskan kepada penggunaan awam dan pelaburan awam, bayaran pindahan, bayaran akaun hutang dan pembelian aset. Hasil kajiannya menunjukkan wujudnya hubungan positif antara perbelanjaan awam dan ketidakseimbangan agihan pendapatan. Walau bagaimanapun, hasil kajian Caniglia (1988) di Amerika Syarikat menunjukkan bayaran pindahan mempunyai hubungan negatif dengan pekali Gini, iaitu agihan pendapatan menjadi lebih seimbang dengan meningkatnya pendapatan golongan yang menerima bayaran pindahan tersebut. Sebenarnya, kesan perbelanjaan kerajaan terhadap pendapatan bergantung kepada siapa yang mendapat manfaat perbelanjaan tersebut, contohnya kemudahan kesihatan, pendidikan dan kebajikan. Sekiranya ia lebih memanfaatkan golongan kaya dan pertengahan berbanding golongan miskin,

agihan pendapatan akan menjadi lebih tidak seimbang (Xu dan Zou 2000).

Kitaran perniagaan juga dikatakan merupakan antara faktor yang penting dalam mempengaruhi agihan pendapatan. Dua pemboleh ubah makroekonomi, iaitu kadar pengangguran dan kadar inflasi biasanya digunakan sebagai proksi kepada kitaran perniagaan dalam menguji hubungan antara kitaran perniagaan dengan agihan pendapatan (Blinder dan Esaki 1978; Caniglia 1988). Hasil kajian Caniglia (1988) menunjukkan ketidakseimbangan agihan pendapatan akan meningkat jika kadar pengangguran adalah tinggi. Sementara pemboleh ubah kadar inflasi pula mempunyai hubungan negatif dengan koefisien Gini.

Perkembangan ekonomi yang pesat dan masalah kekurangan tenaga buruh menyebabkan kebanjiran buruh asing di negara ini. Kajian menunjukkan kehadiran buruh asing, terutamanya buruh tidak mahir, akan menyebabkan keluaran marginal buruh pada kategori ini semakin menurun. Ini seterusnya akan menyebabkan upah yang diterima oleh golongan ini juga akan menurun. Kebanjiran buruh asing juga telah menyekat kenaikan upah pekerja tempatan yang tidak mahir kerana mereka sanggup menerima upah rendah akibat desakan hidup yang teruk di negara asal mereka. Dalam jangka masa panjang, jurang perbezaan pendapatan antara buruh mahir dengan buruh tidak mahir semakin membesar. Keadaan ini seterusnya akan menyebabkan ketidakseimbangan agihan pendapatan semakin meningkat (Winegarden dan Lay Boon Khor 1993).

## **KERANGKA TEORI, METODOLOGI DAN HIPOTESIS**

Ahli-ahli sains sosial termasuklah ahli-ahli ekonomi, telah lama mengutarakan perhubungan antara agihan pendapatan dan pembangunan. Marx (1952), seorang ahli ekonomi sosialis mengkritik sistem ekonomi kapitalis yang hanya menguntungkan golongan pemilik modal dan merugikan golongan majoriti buruh dalam proses pembangunan yang berorientasikan pertumbuhan pesat semata-mata.

Kajian terhadap agihan pendapatan pada tahap-tahap pembangunan yang berlainan dimulakan selepas Perang Dunia Kedua oleh



Kuznets(1955). Ukuran pertumbuhan ekonomi yang beliau gunakan adalah tahap atau kadar pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK) atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Beliau cuba mencari jawapan kepada persolan-persoalan seperti adakah ketidaksetaraan agihan pendapatan akan meningkat atau menurun dengan berlakunya pertumbuhan ekonomi? Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi corak dan arah aliran agihan pendapatan? Kuznets kemudiannya telah memperkenalkan Hipotesis U-terbalik yang menjelaskan bahawa ketidaksetaraan agihan pendapatan akan bertambah buruk pada tahap awal proses pertumbuhan. Keadaan ini terjadi kerana majoriti penduduk adalah miskin sementara minoriti penduduk sahaja berpeluang menambahkan kekayaan mereka. Apabila proses pertumbuhan telah berlaku pada tingkat ekonomi yang lebih tinggi, lebih ramai penduduk berpeluang meninggalkan sektor luar bandar dan melibatkan diri dalam sektor bandar atau moden. Pendapatan golongan ini akan bertambah dan menyumbang kepada corak agihan pendapatan yang lebih seimbang.

Berlandaskan kepada kerangka teori ini dan kajian-kajian lepas dalam bidang ini, beberapa pemboleh ubah selain daripada indikator pertumbuhan ekonomi telah dimasukkan ke dalam persamaan regresi. Pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah kadar celik huruf, peratus guna tenaga sektor industri, nisbah eksport-import kepada KDNK, nisbah bayaran pindahan kepada KDNK, nisbah pelaburan langsung asing kepada KDNK, nisbah penganggur kepada jumlah tenaga kerja dan nisbah buruh asing kepada jumlah guna tenaga. Kesemua pemboleh ubah ini dirasakan boleh mempengaruhi agihan pendapatan seperti yang akan dinyatakan dalam bahagian hipotesis. Bagi menjawab objektif kajian ini, dua persamaan regresi dibentuk seperti di bawah:

$$PGINI = \beta_0 + \beta_1 RKDKNKP + \beta_2 LIT + \beta_3 PGUNATEI + \beta_4 JXMKDNK + \beta_5 RBPINKDNK + \beta_6 RFDIKDNK + \beta_7 RPANGGUR + \mu_0 \quad (1)$$

$$PGINI = \beta_0 + \beta_1 RKDKNKP + \beta_2 LIT + \beta_3 PGUNATEI + \beta_4 JXMKDNK + \beta_5 RBPINKDNK + \beta_6 RFDIKDNK + \beta_7 RPANGGUR + \beta_8 RBAGUNAT + \mu_1 \quad (2)$$

Dengan,

- PGINI = pekali Gini
- RKDKNKP = kadar pertumbuhan KDNK nominal per kapita
- LIT = kadar celik huruf
- PGUNATEI = peratus guna tenaga sektor pembuatan daripada jumlah guna tenaga
- JXMKDNK = nisbah jumlah eksport dan import kepada KDNK nominal
- RBPINKDNK = nisbah bayaran pindahan kepada KDNK nominal
- RFDIKDNK = nisbah pelaburan langsung asing kepada KDNK nominal
- RPANGGUR = nisbah penganggur kepada jumlah tenaga kerja
- RBAGUNAT = nisbah buruh asing kepada jumlah guna tenaga
- $\mu_0, \mu_1$  = pemboleh ubah rawak

Kedua-dua persamaan di atas mempunyai perbezaan dengan adanya pemboleh ubah buruh asing dalam persamaan (2). Objektif memasukkan pemboleh ubah ini ke dalam persamaan (2) adalah untuk melihat sejauh mana pemboleh ubah buruh asing boleh mempengaruhi agihan pendapatan. Dalam hubungan ini dua persamaan perlu dianggarkan kerana data tentang buruh asing hanya tersedia bagi tempoh 1985-2000 sahaja.

Persamaan di atas dianggarkan dengan menggunakan kuasa dua terkecil (*ordinary least square* atau OLS) mengikut tiga tempoh masa, iaitu 1970-2000, 1970-1984 dan 1985-2000. Persamaan (1) akan dianggarkan bagi keseluruhan tempoh iaitu 1970-2000 dan 1970-1984 dan persamaan (2) akan dianggarkan untuk tempoh 1985-2000.

#### Hipotesis

Sebelum menganalisis hasil penganggaran model regresi, beberapa hipotesis telah dibentuk dalam menerangkan perhubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. KDNK per kapita dihipotesiskan mempunyai hubungan yang negatif dengan pekali Gini. Ini kerana apabila semakin meningkat pertumbuhan ekonomi, diikuti oleh peningkatan dalam KDNK per kapita, maka lebih ramai masyarakat mendapat manfaat daripada ini, dan ini



mengurangkan perkadaran masyarakat kurang berada dan agihan pendapatan menjadi lebih seimbang.

Kadar celik huruf juga dihipotesiskan mempunyai hubungan negatif dengan pekali Gini kerana semakin meningkat kadar celik huruf, maka semakin ramai anggota masyarakat yang berpendidikan. Selanjutnya, pendapatan mereka akan meningkat melalui peningkatan produktiviti seperti yang diramalkan oleh teori modal manusia, dan agihan pendapatan menjadi lebih seimbang. Peratus guna tenaga sektor industri pula dijangkakan mempunyai hubungan positif dengan pekali Gini kerana produktiviti dan keperluan kemahiran sektor ini lebih tinggi daripada sektor lain yang selanjutnya meningkatkan upah pekerja mereka.

Tahap keterbukaan ekonomi diandaikan mempunyai hubungan yang positif dengan pekali Gini. Ini kerana manfaat daripada keterbukaan ini contohnya liberalisasi perdagangan antara bangsa dan pelaburan hanya mampu dimanfaatkan oleh sebahagian masyarakat terutamanya mereka yang sedia memiliki sumber, pengetahuan dan hubung jalin yang luas dan lebih terkehadapan daripada individu lain. Oleh itu, peningkatan dalam tahap keterbukaan akan meningkatkan jurang agihan pendapatan. Begitu juga dengan pelaburan langsung asing. Kemasukan pelabur asing ini hanya memberi manfaat kepada individu tertentu dan syarikat multinasional, manakala syarikat-syarikat kecil akan menghadapi persaingan yang hebat. Selanjutnya agihan pendapatan antara masyarakat akan menjadi lebih tidak seimbang.

Bayaran pindahan dihipotesiskan mempunyai hubungan negatif dengan pekali Gini. Ini kerana program bayaran pindahan adalah bertujuan membantu golongan kurang berada. Manfaat yang diperoleh daripada program ini akan meningkatkan keupayaan golongan kurang berada menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup mereka. Maka agihan pendapatan akan menjadi lebih setara.

Kadar pengangguran diandaikan berhubung secara positif dengan ketidakseimbangan agihan pendapatan. Apabila individu itu menganggur, maka ia kehilangan sumber pendapatan dan peningkatan bilangan mereka akan meningkatkan perkadaran masyarakat dengan pendapatan rendah. Begitu juga, kemasukan buruh asing dihipotesiskan memberi impak positif kepada ketidakseimbangan agihan pendapatan. Ini

kerana kebanyakan pekerja asing yang masuk adalah tidak mahir dan sanggup menerima upah murah. Ini selanjutnya menjejaskan keupayaan pekerja tempatan untuk mendapatkan upah tinggi dan meningkatkan golongan berpendapatan rendah.

#### *Sumber Data*

Data bagi menganggarkan persamaan (1) dan (2) di atas diperoleh daripada pelbagai sumber. Pekali Gini diperoleh daripada sumber sekunder seperti Anand, Snodgrass dan buku-buku Rancangan Lima Tahun Malaysia. Disebabkan data ini tidak dilaporkan setiap tahun antara 1970-2000, maka anggaran dilakukan untuk mendapatkan data setiap tahun dengan andaian ia meningkat atau menurun pada kadar pertumbuhan purata yang tetap mengikut trend selepasnya. Contohnya, nilai pekali Gini pada tahun 1970 adalah 0.50 dan nilainya pada tahun 1976 adalah 0.53. Maka kadar pertumbuhan purata bagi tempoh ini adalah 0.01 (iaitu dengan menggunakan formula  $r = ((0.53/0.50)^{1/6} - 1)$ ). Oleh itu, dalam tempoh ini pekali Gini meningkat pada kadar 1.0 peratus. Prosedur yang sama digunakan bagi mengira nilai-nilai pekali Gini pada tahun-tahun lain. Keluaran Dalam Negara Kasar nominal, jumlah penduduk, jumlah eksport dan import serta pelaburan langsung asing diperoleh daripada Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia. Sementara data bayaran pindahan kerajaan diperoleh daripada Buletin Statistik Bulanan, Bank Negara Malaysia. Data tenaga kerja, guna tenaga, penganggur, guna tenaga sektor industri dikutip daripada Buletin Perangkaan Sosial, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Laporan Ekonomi. Data buruh asing pula dikutip dari Jabatan Imigresen Malaysia. Akhir sekali, data tentang kadar celik huruf diperoleh daripada World Development Report, World Bank dan World Tables, United Nation, Yearbook.

Jadual 2 menunjukkan bagi keseluruhan tempoh kajian, iaitu 1970-2000 nilai purata pekali Gini adalah 0.484. Bagi tempoh 1970-1984 nilai pekali Gini lebih tinggi daripada tempoh 1985-2000 iaitu 0.508 berbanding 0.461. Kadar pertumbuhan KDNK nominal purata adalah 8.9 peratus dalam keseluruhan tempoh kajian. Sekiranya kita mengambil tempoh 1970-1984, kadar ini adalah 11.4 peratus dan menurun kepada 6.6 peratus bagi tempoh 1985-2000. Kadar celik huruf purata yang menggambarkan



JADUAL 2  
 Nilai purata dan sisihan piawaian pemboleh ubah dalam model

Pemboleh ubah	1970-2000		1970-1984		1985-2000	
	Nilai purata	Sisihan piawaian	Nilai purata	Sisihan piawaian	Nilai purata	Sisihan piawaian
PGINI	0.484	0.027	0.508	0.014	0.461	0.013
RKDNKP	0.089	0.079	0.114	0.086	0.066	0.065
LIT	70.829	9.864	62.167	4.934	78.950	5.146
PGUNATEI	0.173	0.054	0.132	0.031	0.213	0.040
JXMKDNK	1.104	0.377	0.836	0.089	1.355	0.371
RBPINKDNK	0.802	3.070	0.017	0.006	1.538	4.201
RFDIKDNK	2.593	10.531	0.018	0.009	5.007	14.455
RPANGGUR	0.072	0.094	0.098	0.131	0.046	0.022
RBAGUNAT					0.057	0.051

pencapaian pendidikan penduduk adalah 70.8 peratus bagi tempoh 1970-2000. Pembaikan dalam sistem dan kemudahan pendidikan negara telah meningkatkan kadar ini daripada 62.1 peratus bagi tempoh 1970-1984 kepada 78.9 peratus bagi tempoh 1985-2000. Kepesatan perkembangan sektor pembuatan telah meningkatkan peratus guna tenaga sektor ini secara mendadak. Dalam tempoh 1970-1984 peratus guna tenaga sektor ini daripada keseluruhan guna tenaga adalah 15.2 peratus dan meningkat kepada 21.3 peratus dalam tempoh 1985-2000.

Penglibatan ekonomi Malaysia dalam perdagangan antarabangsa sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Ini dapat dilihat daripada *volume* eksport dan import negara. Tahap keterbukaan sesebuah ekonomi diukur oleh nisbah antara jumlah eksport dan import dengan KDNK. Dalam tempoh 1970-184 nisbah ini adalah 1.104. Jika kita membandingkan kedua-dua tempoh, iaitu 1970-1984 dan 1985-2000, didapati berlaku peningkatan yang besar dalam nisbah ini daripada 0.836 kepada 1.355. Ini menggambarkan tahap keterbukaan ekonomi Malaysia telah meningkat.

Satu indikator lain yang boleh mengukur tahap keterbukaan atau liberalisasi ekonomi Malaysia adalah nisbah pelaburan langsung asing kepada KDNK nominal. Dalam tempoh 1970-2000 nilai purata nisbah ini adalah 2.593. Secara puratanya nisbah ini jauh lebih tinggi bagi tempoh 1985-2000 dibandingkan dengan tempoh 1970-1984, iaitu 5.007 berbanding 0.018.

Nilai bayaran pindahan sangat bergantung kepada prestasi ekonomi sesebuah negara dan selalunya berhubung rapat dengan program

pembangunan kerajaan. Nisbah bayaran pindahan kerajaan kepada KDNK nominal meningkat daripada 0.017 dalam tempoh 1970-1984 kepada 1.538 dalam tempoh 1985-2000. Pembaikan dalam pasaran buruh telah banyak membantu kepada pengurangan dalam bilangan penganggur dan kadar pengangguran negara. Secara puratanya, kadar pengangguran Malaysia telah menurun daripada 9.8 peratus dalam tempoh 1970-1984 kepada hanya 4.6 peratus dalam tempoh 1985-2000. Bagi tempoh 1985-2000 bilangan buruh asing secara puratanya adalah 5.7 peratus daripada keseluruhan guna tenaga negara.

#### KEPUTUSAN REGRESI

Penganggaran persaman (1) dan (2) di atas telah melalui dua proses. Percubaan awal menunjukkan wujud masalah autokorelasi dalam penganggaran. Oleh itu bagi mengatasi masalah ini penganggaran terpaksa menggunakan prosedur *autoregressive* sehingga kepada peringkat kedua. Hasil daripada penganggaran ini dipaparkan dalam Jadual 3.

Penganggaran bagi keseluruhan tempoh menunjukkan nilai  $R^2$  adalah 0.884 dan bagi kedua-dua tempoh nilai  $R^2$  adalah 0.985 yang menggambarkan antara 88.4 peratus hingga 98.5 peratus variasi dalam pekali Gini dapat diterangkan oleh pemboleh ubah bersandar yang dipilih. Hasil penganggaran bagi keseluruhan tempoh 1970-2000 menunjukkan hanya satu pemboleh ubah yang signifikan dalam menentukan pekali Gini, iaitu nisbah bayaran pindahan. Hasil kajian ini menunjukkan bayaran pindahan mempunyai hubungan yang negatif



JADUAL 3  
Keputusan anggaran penentu agihan pendapatan

Pemboleh ubah	1970-2000	1970-1984	1985-2000
Pemalar	0.547 (7.248)***	0.331 (8.708)***	0.228 (5.972)***
RKDKNP	0.025 (1.063)	0.102 (5.386)***	-0.144 (-7.653)***
LIT	-0.001 (-0.371)	-0.001 (-1.009)	0.003 (8.486)***
PGUNATEI	-0.159 (-1.106)	0.242 (5.580)***	-0.247 (-4.560)**
JXMKDNK	-0.006 (-0.536)	0.117 (6.088)***	0.007 (1.333)
RBPINKDNK	-0.002 (-1.757)*	2.619 (6.653)***	-0.002 (-2.350)*
RFDIKDNK	0.0001 (0.520)	1.954 (7.060)***	0.001 (2.515)*
RPANGGUR	0.007 (0.394)	-0.020 (-1.333)	0.740 (4.514)**
RBAGUNAT			0.0003 (8.379)***
R <sup>2</sup>	0.884	0.971	0.985
D.W.	2.091	2.078	2.009

Nota: angka dalam kurungan adalah nilai t-statistik

\*\*\* = signifikan pada aras keertian 1 peratus.

\*\* = signifikan pada aras keertian 5 peratus.

\* = signifikan pada aras keertian 10 peratus

dengan pekali Gini. Peningkatan 1 titik peratusan dalam nisbah bayaran pindahan akan menurunkan pekali Gini sebanyak 0.002. Ini bermakna peningkatan dalam nisbah bayaran pindahan menurunkan ketakseimbangan agihan pendapatan di Malaysia yang menggambarkan program bayaran pindahan kerajaan mencapai matlamat untuk membantu golongan yang kurang berada, dan memperbaiki agihan pendapatan.

Analisis mengikut tempoh yang berbeza telah menghasilkan keputusan yang lebih baik dan menarik. Bagi tempoh 1970-1984 misalnya, kesemua pemboleh ubah, kecuali kadar celik huruf dan kadar pengangguran, menunjukkan nilai yang signifikan dan berhubung secara positif dengan pekali Gini. Ini bermakna peningkatan dalam pemboleh ubah-pemboleh ubah ini akan membawa kepada meningkatnya ketidakseimbangan agihan pendapatan. Peningkatan 1 titik peratusan dalam kadar pertumbuhan KDNK

akan meningkatkan pekali Gini sebanyak 0.102. Pada peringkat awal pembangunan, peningkatan dalam kadar pertumbuhan pendapatan per kapita meningkatkan lagi jurang perbezaan agihan pendapatan di Malaysia, dan dapatan ini selari dengan apa yang dihipotesiskan oleh Kuznets dan selari dengan hasil kajian Hassan dan Rahmah (1997). Walaupun dalam tempoh ini DEB telah dilaksanakan, objektifnya belum tercapai. Proses pembangunan dalam tempoh ini lebih memanfaatkan golongan yang lebih berada kerana mereka merupakan pemilik modal dan lebih mengetahui peluang ekonomi.

Seperti yang dijangkakan, peningkatan dalam guna tenaga sektor industri meningkatkan ketidakseimbangan agihan pendapatan. Peningkatan 1 titik peratusan dalam peratus guna tenaga sektor industri akan meningkatkan pekali Gini sebanyak 0.242. Keputusan ini menggambarkan dalam tempoh 1970-1984, proses perindustrian yang berlaku di Malaysia



telah menyebabkan berlakunya perbezaan upah mengikut sektor, dengan sektor industri mendahului sektor-sektor lain. Pekerja dalam sektor ini dibayar upah lebih tinggi kerana produktiviti mereka lebih tinggi. Dasar kerajaan pada awal pembangunan lebih menekankan sektor perindustrian, contohnya melalui dasar pengembangan eksport.

Dalam tempoh ini juga, hasil kajian menunjukkan tahap keterbukaan ekonomi Malaysia memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan jurang perbezaan agihan pendapatan dan ia selari dengan penemuan Patrik (1998). Hasil kajian menunjukkan kenaikan 1 titik peratusan dalam nisbah eksport-import kepada KDNK akan meningkatkan pekali Gini sebanyak 0.117. Peningkatan dalam aktiviti perdagangan antarabangsa menyebabkan segelintir masyarakat mendapat manfaat yang lebih besar daripada golongan yang lain. Contohnya, golongan yang mempunyai daya saing yang lebih tinggi dari segi teknologi, rakan kontak dan pasaran akan mendapat keuntungan yang lebih besar kerana dapat meningkatkan eksport. Sehubungan dengan ini juga hasil kajian ini menunjukkan pelaburan langsung asing memberi impak yang positif terhadap ketidakseimbangan agihan pendapatan di Malaysia. Ini sekali lagi menggambarkan liberalisasi pelaburan hanya memberi manfaat kepada golongan yang berada.

Hasrat kerajaan memberi bayaran pindahan adalah untuk membantu golongan kurang berada. Tetapi dalam tempoh 1970-1984, nampaknya objektif ini kurang berjaya kerana kesan bayaran pindahan terhadap ketidakseimbangan agihan pendapatan adalah positif. Nilai koefisien ini agak besar, iaitu menunjukkan kenaikan 1 titik peratusan dalam nisbah bayaran pindahan meningkatkan pekali Gini sebanyak 2.619. Ini ada kaitannya dengan ketakberkesanan dalam pelaksanaan bayaran pindahan tersebut yang menyebabkan ia tidak sampai kepada golongan sasaran. Kemungkinan dalam tempoh awal ini, jentera kerajaan masih kurang cekap untuk mengendalikan program ini secara berkesan. Justeru, keputusan kajian ini selari dengan penemuan Snodgrass (1974). Sementara kemasukan pelaburan langsung asing memberi impak positif dan signifikan terhadap ketidakseimbangan agihan pendapatan. Kenaikan 1 titik peratusan dalam nisbah

pelaburan langsung asing akan meningkatkan nilai pekali Gini sebesar 1.954.

Bagi tempoh 1985-2000 pula, keputusan anggaran menunjukkan kadar pertumbuhan KDNK per kapita, peratus guna tenaga industri dan nisbah bayaran pindahan mempunyai hubungan negatif dengan pekali Gini. Peningkatan 1 titik peratusan dalam pemboleh ubah-pemboleh ubah ini masing-masing akan menurunkan pekali Gini sebesar 0.144, 0.247 dan 0.002. Ini menunjukkan proses pertumbuhan selanjutnya telah berjaya mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan. Peningkatan dalam produktiviti sektor lain juga membawa kepada perbezaan upah yang lebih tidak ketara dan pelaksanaan kerajaan terhadap program bayaran pindahan adalah lebih berkesan. Dalam tempoh ini pencapaian pendidikan masyarakat dan pekali Gini mempunyai hubungan yang positif yang menggambarkan agihan pendapatan lebih tidak seimbang apabila meningkatnya pencapaian pendidikan. Kenaikan 1 titik peratusan dalam kadar celik huruf akan meningkatkan nilai pekali Gini sebesar 0.003. Ini menggambarkan tahap pencapaian pendidikan masih tidak seimbang di Malaysia dan keputusan ini selari dengan teori modal manusia serta penemuan kajian Hamermesh dan Rees (1984) dan Caniglia (1988).

Pelaburan langsung asing masih mempunyai hubungan positif dengan pekali Gini dalam tempoh 1985-2000, tetapi kesannya terhadap pekali Gini menjadi semakin kecil, iaitu hanya 0.001 berbanding 1.954. Dalam tempoh ini juga kadar pengangguran memberi impak yang positif dan signifikan terhadap ketidakseimbangan agihan pendapatan. Kenaikan 1 titik peratusan dalam kadar pengangguran akan menaikkan nilai pekali Gini sebesar 0.740. Namun demikian tahap keterbukaan ekonomi Malaysia tidak memberi kesan yang signifikan. Seperti yang telah dihipotesiskan, kemasukan pekerja asing memburukkan lagi jurang ketidakseimbangan agihan pendapatan di Malaysia. Kenaikan 1 titik peratusan dalam nisbah buruh asing akan meningkatkan pekali Gini sebanyak 0.0003. Walaupun kesannya agak kecil, tetapi sangat signifikan dan dikhuatiri meningkat dalam jangka panjang.



### RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR

Sebagai kesimpulan, terdapat tiga rumusan penting kajian ini, iaitu berkait dengan enam pemboleh ubah yang signifikan dalam menganalisis faktor penentu agihan pendapatan. Pertama, hubungan antara kadar pertumbuhan KDNK per kapita, guna tenaga sektor industri dan bayaran pindahan dengan agihan pendapatan adalah tidak stabil, iaitu meningkatkan jurang agihan pada awal tempoh kajian dan menurunkan jurang ini pada tempoh akhir. Kedua, pelaburan langsung asing dan kadar pengangguran sememangnya memburukkan keadaan agihan pendapatan di Malaysia. Ini ditunjukkan oleh hubungan yang positif pemboleh ubah ini dengan pekali Gini dalam kedua-dua tempoh kajian. Ketiga, kadar celik huruf dan buruh asing memainkan peranan penting dalam meningkatkan jurang agihan pendapatan dalam tempoh 1985-2000.

Berdasarkan kepada hasil kajian ini terdapat beberapa implikasi dasar yang boleh diketengahkan.

- Pelaksanaan skim bayaran pindahan kerajaan yang lebih berkesan. Terdapat pelbagai skim yang telah diperkenalkan kerajaan terutamanya untuk membantu golongan berpendapatan rendah seperti program pembangunan rakyat termiskin (PPRT). Kebanyakan skim adalah secara tidak langsung dalam erti kata bukan dalam bentuk pemberian tunai secara langsung kepada golongan tersebut kecuali subsidi. Maka proses pelaksanaan skim tersebut melibatkan pelbagai peringkat sebelum sampai kepada golongan sasaran. Oleh itu dalam proses ini boleh berlaku kesilapan yang boleh menyebabkan bantuan tersebut tidak sampai kepada golongan sasaran. Bagi mengatasi masalah ini kerajaan seharusnya dapat mengawasi dengan lebih rapi aktiviti penyampaian skim bantuan mereka bagi memastikannya sampai kepada golongan sasaran.
- Peluang pendidikan yang lebih sama rata. Di Malaysia peluang pendidikan telah mengalami pembaikan yang begitu pesat sekali hasil usaha kerajaan. Namun demikian masih terdapat jurang yang besar pencapaian pendidikan antara rakyat dan ia mengalami peningkatan. Keadaan ini juga dapat diperhatikan dalam pasaran buruh di mana sebahagian besar pekerja adalah berpendidikan rendah. Walaupun peratus mereka yang berpendidikan menengah dan tinggi telah meningkat, peratus pekerja yang berpendidikan rendah masih lagi tinggi. Bagi mengatasi masalah ini, saluran pendidikan yang mencukupi perlu disediakan terutamanya bagi menampung pelajar yang tercicir di peringkat rendah lagi.
- Meningkatkan pembangunan sumber manusia. Sering diperkatakan bahawa upah perlu dibayar mengikut tingkat produktiviti. Produktiviti pula berhubung secara positif dengan tingkat modal manusia seseorang. Untuk meningkatkan modal manusia, maka seseorang perlu melabur dalam modal manusia tersebut. Satu bentuk pelaburan yang lazimnya dilakukan di organisasi pekerjaan adalah latihan. Dalam soal ini majikan adalah bertanggungjawab menyediakan kemudahan latihan untuk pekerja mereka. Aspek latihan ini menjadi sangat kritikal terutamanya bagi pekerja tidak mahir dan separuh mahir untuk meningkatkan kerjaya mereka menjadi mahir dan sekali gus mampu dibayar upah yang lebih tinggi. Strategi ini bukan sahaja diperlukan dalam sektor industri tetapi dalam sektor-sektor lain bagi mengatasi perbezaan produktiviti pekerja antara sektor dan juga dalam sektor yang sama.
- Mengawal kemasukan pelaburan langsung asing. Banyak manfaat yang diperoleh daripada pelaburan langsung asing seperti menyelesaikan masalah kekurangan modal dalam negara, kekurangan kepakaran, menyediakan pekerjaan, meningkatkan penyelidikan dan pembangunan serta kemahiran teknologi. Walau bagaimanapun hasil kajian ini menunjukkan pelaburan langsung asing memberi impak positif terhadap ketidakseimbangan agihan pendapatan. Oleh itu, kerajaan perlu berhati-hati dalam soal ini dengan mengehadkan pelaburan asing dalam aktiviti-aktiviti yang tidak dapat diterokai oleh rakyat tempatan kerana kekurangan modal dan kepakaran. Begitu juga, kemasukan pelabur asing seharusnya mampu memindahkan teknologi kepada rakyat tempatan supaya kebergantungan kepada mereka ini tidaklah berpanjangan.
- Meningkatkan peluang pekerjaan. Hasil kajian ini menunjukkan peningkatan kadar pengangguran meningkatkan jurang agihan



pendapatan. Bagi mengurangkan kadar pengangguran, kita perlu melihat kepada aspek permintaan dan penawaran buruh. Dari sudut permintaan, peluang-peluang pekerjaan perlu diwujudkan terutamanya oleh pihak swasta. Dari sudut penawaran pula, pencari kerja perlu melengkapkan diri mereka dengan kemahiran yang diperlukan majikan sama ada melalui sistem pendidikan yang lebih sesuai atau menghadiri latihan yang disediakan. Dalam soal ini sistem pendidikan negara memainkan peranan penting dalam menawarkan tenaga kerja yang sesuai dengan keperluan majikan.

- Mengawal kemasukan buruh asing. Kebanjiran buruh asing ke negara ini sangat berkait dengan kekurangan pekerja dalam negara. Namun demikian, dalam masa yang sama terutamanya akhir-akhir ini, negara menghadapi masalah pengangguran yang agak membimbangkan. Oleh itu, soal kekurangan pekerja tempatan seperti yang sering dikemukakan oleh majikan kemungkinannya tidak benar dan dirasakan ada perkara-perkara lain mengapa majikan lebih suka mengambil pekerja asing dibandingkan pekerja tempatan. Walau apa pun alasan majikan, kita merasakan kemasukan buruh asing perlu dikawal untuk mengurangkan masalah pengangguran dan juga memperbaiki agihan pendapatan di Malaysia. Kerajaan perlu meletakkan kuota pekerja asing untuk sektor-sektor tertentu dan kuota ini perlu diperkecilkan melalui masa.

#### KESIMPULAN

Trend agihan pendapatan sesebuah berubah mengikut masa. Trend yang dialami Malaysia pada peringkat awal pertumbuhannya adalah selari dengan apa yang dihipotesiskan oleh Kuznets. Tetapi pada masa sekarang Malaysia telah memasuki pusingan kedua hipotesis U-terbalik Kuznets dengan mengalami peningkatan dalam ketidakseimbangan agihan pendapatan selepas 1990. Sebenarnya banyak faktor yang boleh mempengaruhi trend agihan pendapatan. Kajian ini telah cuba mengenal pasti dan menentukan tahap kepentingan faktor-faktor tersebut dan mendapati terdapat lapan faktor penting iaitu pertumbuhan KDNK per kapita,

bayaran pindahan, pelaburan langsung asing, kadar celik huruf, guna tenaga sektor pembuatan, kadar pengangguran, keterbukaan ekonomi dan pekerja asing. Oleh yang demikian bagi menjamin pertumbuhan yang tinggi diikuti oleh agihan pendapatan yang sama rata beberapa strategi adalah dicadangkan dan keberkesanan strategi tersebut sangat bergantung kepada kerjasama semua pihak.

#### RUJUKAN

- AHLUWALIA, M. D. 1976. Inequality, poverty and development. *Journal of Development Economics* 3(4): 307-342.
- ALESINA, A. dan D. RODRIK. 1994. Distributive politics and economic growth. *Quarterly Journal of Economics* 109(2): 465-80.
- ANAND, S. 1983. *Inequality and Poverty in Malaysia: Measurement and Decomposition*. Oxford University Press.
- BANK NEGARA MALAYSIA. *Buletin Statistik Bulanan*. Pelbagai tahun.
- BEER, L. 1999. Income inequality and transnational corporate penetration. *Journal of World System Research* 5: 1.
- BLINDER, A. S. dan H. Y. ESAKI. 1978. Macroeconomic activity and income distribution in the postwar United States. *Review of Economics and Statistics* 60: 604-609.
- BOLLEN, K. A. dan R. W. JACKMAN. 1985. Political democracy and the size distribution of income. *American Sociological Review* 50: 438-457.
- CAMPANO, F. dan D. SALVATORE. 1988. Economic development, income inequality and Kuznets' U-shaped hypothesis. *Journal of Political Modeling* 10(2): 265-280.
- CANIGLIA, A.S. 1988. Inequality in educational attainment and the distribution of income. *Review of Business* 10(2): 5-10.
- CAROL, L. 1998. Trade and income distribution in developing countries. Working Papers in Economics. No 9, Department of Economics, Goteborg University.
- CHASE-DUNN, C. 1975. The effects of international economic dependence on development and inequality: A cross-national study. *American Sociological Review* 40: 720-738.



- CHIU, W. H. 1998. Income inequality, human capital accumulation and economic performance. *The Economic Journal* 108 (January): 44-59.
- HAMMERMESH, D.S. dan A. REES. 1984. *The Economics of Work and Pay*. New York: Harper & Row Publishers.
- HASSAN HJ. ALI dan RAHMAH ISMAIL. 1997. Perhubungan antara pertumbuhan ekonomi dengan agihan pendapatan : Kes Malaysia. Siri Kertas Penyelidikan, Jabatan Ekonomi Pembangunan, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- ISHAK SHARI, RAGAYAH HJ. MAT ZIN, RAHMAH ISMAIL, NIK HAIRI NIK OMAR dan MOHD. SHUKRI HJ. NOOR. 1999. Perindustrian dan Agihan Pendapatan di Malaysia. Laporan Akhir Penyelidikan Kumpulan Wang Pengajian Pembangunan, Bank of Tokyo. Fakulti Ekonomi, UKM.
- JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA. 1996. *Pendaftaran Pekerja Asing*. Bahagian Maklumat dan Rekod.
- JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA. *Buletin Perangkaan Sosial*. Pelbagai tahun.
- JHA, S. 1996. The Kuznets curve, a reassessment. *World Development* 24(4): 773-780.
- KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA. *Laporan Ekonomi*. Pelbagai tahun.
- KUZNET, SIMON. 1955. Economic growth and income inequality. *American Economic Review* 45(1): 1-28.
- MALAYSIA. 1981. *Rancangan Malaysia Keempat, 1981-85*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- \_\_\_\_\_. 1984. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, 1981-85*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- \_\_\_\_\_. 1986. *Rancangan Malaysia Kelima, 1986-90*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- \_\_\_\_\_. 1989. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, 1986-90*.
- \_\_\_\_\_. 1991(a). *Rancangan Malaysia Keenam, 1991-95*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- \_\_\_\_\_. 1991(b). *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- \_\_\_\_\_. 1993. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam 1991-95*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- \_\_\_\_\_. 1996. *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- \_\_\_\_\_. 1999. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- MALAYSIA. 2001. *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- MARX, KARL. 1952. *Wage Labour and Capital Progress*. Moscow: Progress.
- MEERMAN, J. 1975. *Public Expenditure in Malaysia: Who Benefits and Why?* New York: Oxford University Press for the World Bank.
- MILLANOVIC, B. 1995. Poverty, inequality and social policy in transition economies. Transition Economics Division, Research Paper 9. The World Bank, Washington, DC.
- OSHIMA, H.T. 1994. The impact of technological transformation on historical trends in income distribution of Asia and the West. *Developing Economies* 32(3): 237- 255.
- PAPANEK, G. dan O. KYN. 1986. The effect of income distribution on development, the growth rate and economic strategy. *Journal of Development Economics* 23: 55-65.
- PATRICK, L. 1998. World trade survey: The wages of fear. *The Economist*, 6 October, London.
- PAUKERT, F. 1973. Income distribution at different levels of development. *International Labour Review* August-September: 81-95.
- PEROTTI, R. 1996. Growth, income distribution and democracy: What the data say. *Journal of Economic Growth* 1: 149-87.
- PERRSON, T. dan G. TABELLINI. 1994. Is inequality harmful for growth? *American Economic Review* 84(3): 600-21.
- RAHMAH ISMAIL. 2000. Perbezaan pendapatan buruh mengikut kemahiran dalam sektor pembuatan di Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Bengkel Hasil Penyelidikan Kumpulan Wang Pengajian Pembangunan*, 28-29 Oktober, Port Dickson, anjuran Fakulti Ekonomi, UKM.



- ROMER, P. M. 1986. Increasing returns and long-run growth. *Journal of Political Economy* 94: 1002-37.
- RUBINSON, R. 1976. The world economy and the distribution of income within states : A cross-national study. *American Sociological Review* 41: 638-659.
- SNODGRASS, D. R. 1974. The fiscal system as an income redistributor in West Malaysia. *Public Finance* 20: 1.
- SNODGRASS, D. R. 1980. *Inequality and Economic Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- THE WORLD BANK. 2001. *World Development Indicator 2001*. New York: Oxford University Press.
- THE WORLD BANK. 1996. *World Development Report 1996/97*. New York: Oxford University Press.
- TSAI P. L. 1995. Foreign direct investment and income inequity: Further evidence. *Journal of World Development* 23(3): 469-483.
- WATERS, M. 1995. *Globalization*. Routledge, London & New York.
- WEEDE, E. dan H. TIEFENBACH. 1981. Some recent explanations of income inequality: An evaluation and critique. *International Studies Quarterly* 25: 255-258.
- WES, M. 1996. Globalization: Winner and Losers. Commission on Public Policy and British Business : Issue Paper No.3.
- WINEGARDEN C. R. dan L. B. KHOR. 1993. Undocumented immigrant and income inequality in the native-born population of the US: Econometric evidence. *Journal of Applied Economic* 25(2): 157-163
- XU L. C. dan H. ZOU. 2000. Explaining the changes of income distribution in China. *China Economic Review* 11: 150-169.

(Diterima: 18 Januari 2002)